



UniSHAMS

NO.  
RUJUKAN

UniSHAMS-BTM-GP-001-00



NO.  
SEMAKAN

00

SISTEM PENGURUSAN ORGANISASI PENDIDIKAN (SPOP)  
ISO 21001:2018

## GARIS PANDUAN PENYEDIAAN KERTAS KERJA PERMOHONAN SISTEM

### PENGESAHAN

Disediakan Oleh		Disemak & Diluluskan Oleh	
			
Nama	: Rosnah Binti Ghazali	Nama	: En. Zulhazlin Bin Abas
Jawatan	: Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan	Jawatan	: Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat
Tarikh	: 10 SEP 2023	Tarikh	: 10 SEP 2023



**UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM  
SHAH (UniSHAMS)**

**GARIS PANDUAN PENYEDIAAN KERTAS KERJA PERMOHONAN SISTEM**

---

**1. TUJUAN**

Dokumen ini disediakan sebagai panduan kepada kakitangan UniSHAMS untuk penyediaan kertas kerja permohonan sistem aplikasi/portal.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang efektif merupakan pemangkin transformasi sesebuah organisasi. Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) UniSHAMS dipertanggungjawabkan untuk merealisasikan matlamat tersebut.
- 2.2. Keperluan sistem aplikasi di sesebuah pusat/jabatan adalah sangat penting bagi mencapai hasil kerja yang optimum, dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan dan memenuhi ekspektasi oleh pemegang taruh/pelanggan.
- 2.3. Permohonan sistem aplikasi perlu dibuat secara teratur. Ini bagi memastikan penggunaan sumber kepakaran dalaman/luaran (pasukan pembangun sistem) dapat disusun dengan baik mengikut jadual kerja dan tarikh siap sistem yang ditetapkan serta supaya hasil akhir (sistem aplikasi) tersebut memenuhi kehendak pelanggan/pemilik sistem.

**3. OBJEKTIF**

Objektif garis panduan adalah seperti berikut:

- 3.1. Memastikan permohonan sistem aplikasi dapat dikawal dan ditadbir urus secara lebih teratur;
- 3.2. Membolehkan pemohon dan pihak BTM merancang, menilai dan mengkaji keperluan sistem aplikasi dengan terperinci dan mengikut keperluan semasa operasi;
- 3.3. Membolehkan pihak BTM membuat perancangan kerja; dan
- 3.4. Memastikan sistem aplikasi mengikut amalan terbaik dari segi prosedur dan standard, mesra pengguna dan mengambil kira elemen keselamatan siber serta integriti.










#### 4. KRITERIA SISTEM APLIKASI YANG DIPOHON

- 4.1. Memberi impak yang tinggi kepada perkhidmatan UniSHAMS.
- 4.2. Melibatkan pengguna yang ramai atau penggunaan yang meluas.
- 4.3. Jangka hayat penggunaan yang panjang.
- 4.4. Melibatkan data yang banyak.

#### 5. TATACARA PENYEDIAAN KERTAS KERJA

- 5.1. Kertas Kerja ini hendaklah dilampirkan bersama Borang Permohonan Sistem Aplikasi (BTM07).
- 5.2. Perlu lampirkan rajah/carta alir dan penerangan proses kerja semasa (Merujuk kepada Prosedur Kerja, Fail Meja atau Proses Kerja semasa)
- 5.3. Perlu sediakan rajah/carta alir dan proses kerja yang dicadangkan menggunakan format berikut :

PANDUAN PENYEDIAAN CARTA ALIR							
Bentuk							
Definisi Carta Alir	Mula, Sambun g atau Tamat	Tindakan (Langkah dalam proses Kerja)	Semakan, Pilihan atau Keputusan	Dokumen	Dokumen-dokumen	Aliran	Kemasukan data / input

- 5.4. Sila lampirkan dokumen sedia ada yang digunakan atau dirujuk contohnya seperti berikut :
  - i. Borang Permohonan Bergraduat
  - ii. Statistik Graduan Mengikut Program
  - iii. Senarai Graduan Mengikut Program
- 5.5. Kertas kerja yang dikemukakan perlu disemak oleh Ketua KPB masing-masing.

## 5. CONTOH FORMAT KERTAS KERJA



### UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (UniSHAMS)

#### MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN SISTEM KALI KE-XXX BIL. (XX/2023)

---

#### KERTAS KERJA PERMOHONAN XXXXX

---

1. NAMA SISTEM  
Kertas kerja ini dikemukakan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Sistem (JPS) untuk memohon sistem \_\_\_\_\_
2. LATAR BELAKANG / PERMASALAHAN SEMASA
3. OBJEKTIF SISTEM
4. SKOP SISTEM
5. FUNGSI SISTEM
6. PEMEGANG TARUH
7. PENGGUNA SASARAN
8. JUSTIFIKASI KEPERLUAN SISTEM
9. IMPLIKASI SEKIRANYA SISTEM TIDAK DIBANGUNKAN / SISTEM TIDAK DIPEROLEHI
10. RAJAH / CARTA ALIR DAN PENERANGAN PROSES KERJA SEMASA
11. RAJAH / CARTA ALIR DAN PENERANGAN PROSES KERJA YANG DICADANGKAN
12. SENARAI DOKUMEN RUJUKAN

Bil.	Penerangan	Lampiran

### 13. PENUTUP

Sekian, dikemukakan untuk kelulusan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Sistem.

Disediakan oleh:

Disemak oleh:

Nama:  
Jawatan:  
[Kulliyah /Pusat /Bahagian ]  
Tarikh:

Nama:  
Jawatan:  
[Kulliyah / Pusat / Bahagian]  
Tarikh:

### MAKLUMAT LANJUT

Sebarang pertanyaan berkaitan boleh dikemukakan kepada:

Bahagian Teknologi Maklumat UniSHAMS

Ext. No : 5109/5111

E-mel : [unit.sistem@unishams.edu.my](mailto:unit.sistem@unishams.edu.my)